

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 13 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1531-L23487
Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan hala tuju dan garis masa Kerajaan dalam mewujudkan Akta Perkhidmatan Parlimen bagi menunjukkan komitmen Kerajaan untuk menjamin kebebasan dan autonomi Parlimen.
2. PR-1531-L24162
Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menjadikan Kampung Baru di Kuala Lumpur digazetkan sebagai tapak warisan UNESCO.
3. PR-1531-L23474
Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
 - (a) apakah kriteria bagi penyaluran dana jaminan khas untuk memulihkan projek sakit dan terbenkakai di seluruh negara seperti diumumkan dalam Belanjawan 2024; dan
 - (b) adakah Projek RUMAWIP iaitu Residensi Hektar antara yang bakal menerima manfaat dana jaminan khas ini.
4. PR-1531-L23997
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan inisiatif Kementerian bagi memasang GPS untuk mengawal had laju lori dan memastikan pengendali syarikat kenderaan berat menyelenggara kenderaan mereka mengikut waktu yang sepatutnya.

5. PR-1531-L23457
Tuan Chong Zhemín [Kampar] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan ancaman kumpulan R00TK1T untuk menutup rangkaian Maxis dan adakah syarikat lain juga terlibat.
6. PR-1531-L23431
Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan berkaitan sambutan sedia ada program Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) di Universiti Awam serta tahap kerjasama pihak universiti bagi menjayakan penyertaan orang awam dalam Rejimen Askar Wataniah sekaligus menanam semangat cintakan negara dari kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
7. PR-1531-L24273
Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal dan memantau penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang dilihat semakin meluas supaya penggunaannya dapat memberi manfaat kepada kehidupan rakyat Malaysia.
8. PR-1531-L24140
Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan metode pelaksanaan yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian agar anak-anak bawah 15 tahun diharamkan memiliki akaun sosial media sama ada TikTok, X, Facebook dan sebagainya agar mereka tidak mengikuti trend yang tidak baik di sosial media.
9. PR-1531-L23218
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah status terkini Konsep Rahmah yang telah diperkenalkan sejak awal tahun 2023. Program Payung Rahmah ini telah terbukti keberkesanannya dan diterima baik oleh semua lapisan masyarakat, sama ada ia akan terus diperluaskan ke bidang yang baru pada tahun 2024.
10. PR-1531-L23795
Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah penambahbaikan dari segi tindakan penguatkuasaan serta perundangan yang sedia ada khususnya terhadap pemandu bawah umur atau mereka yang tidak mempunyai lesen sehingga menyebabkan nahas di jalan raya.

11. PR-1531-L23538

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan konkrit yang diambil oleh Kementerian bersama dengan pihak berkuasa tempatan serta agensi yang bertanggungjawab dalam memperkukuh penguatkuasaan operasi tangkapan haiwan ternakan terbiar bagi menyelesaikan isu ternakan berkeliaran sehingga mengundang risiko kepada pengguna jalan raya sehingga mengakibatkan kematian.

12. PR-1531-L24164

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status menyahklasifikasikan dokumen perjanjian persempadanan maritim Malaysia-Indonesia dikenali sebagai Triti Laut Sulawesi, yang ditandatangani kedua-dua negara pada 8 Jun 2023.

13. PR-1531-L23201

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan oleh JAKIM dalam memastikan pendakwah memahami masyarakat tentang perpaduan dan Malaysia Madani ini sepanjang tahun 2023.

14. PR-1531-L24125

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani video-video atau berita palsu yang diolah menggunakan teknologi AI yang semakin berleluasa.

15. PR-1531-L23623

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif bagi memantapkan lagi sukan muay thai di Malaysia yang telah banyak melahirkan bakat-bakat baru yang berjaya memenangi kejuaraan di peringkat antarabangsa serta sumbangan dan bantuan daripada Kementerian bagi membantu kelab-kelab muay thai tempatan yang kebanyakannya menggunakan dana mereka sendiri untuk ke pertandingan.

16. PR-1531-L24053

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan rungutan pekerja gig berkenaan tambang atau upah minimum kepada perkhidmatan e-Hailing dan p-Hailing.

17. PR-1531-L23257

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan garis masa (*timeline*) Kementerian akan membentangkan RUU Akta Sewaan Kediaman (RTA) untuk melindungi kepentingan penyewa dan tuan rumah, selepas dua tahun proses libat urus. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan jumlah rumah yang boleh disewa dalam pasaran supaya dapat menstabilkan harga sewaan pasaran.

18. PR-1531-L23374

Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kemajuan pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS) oleh Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS) memandangkan perkara ini sangat penting kerana banyak wang rakyat telah diselewengkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi membina kapal-kapal tersebut yang mana sehingga kini masih belum disiapkan.

19. PR-1531-L23532

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Madani bercadang untuk mengembalikan Labuan kepada Kerajaan Sabah memandangkan keperluan asas Labuan seperti bekalan air, bekalan elektrik dan penjana utama ekonomi Labuan iaitu Asian Upplly Base (ASB) adalah di bawah tatakelola Kerajaan Sabah .

20. PR-1531-L24172

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan proaktif Kementerian untuk mempergiat Kempen Beli Barangan Malaysia bagi memperkasa produk tempatan dalam industri peruncitan, terutama dengan gerakan boikot barangan import tertentu oleh masyarakat susulan kekejaman penindasan rejim Zionis terhadap Palestin sejak Oktober 2023. Mohon Kementerian turut menyatakan jumlah perniagaan yang terjejas atau ditutup susulan gerakan boikot ini.

21. PR-1531-L23171

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) mekanisme yang digunakan untuk memastikan minyak bersubsidi RON 95 tidak digunakan sewenang-wenangnya oleh kenderaan asing; dan
- (b) tindakan penguatkuasaan yang dikenakan terhadap pengusaha stesen minyak yang gagal memastikan jualan minyak bersubsidi tidak dijual kepada kenderaan asing.

22. PR-1531-L24121

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi menoktahkan terus pelacuran dalam talian serta budaya "*Dark Side*" yang makin kerap berlaku terutamanya di platform X dan Telegram.

23. PR-1531-L23316

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan garis masa penyelesaian semakan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan skop dan penggunaannya melindungi kebebasan bersuara dan selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

24. PR-1531-L24124

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar terkini Kerajaan tentang pencen kakitangan awam serta kajian kesan jangka panjang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

25. PR-1531-L23284

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah persediaan dan inisiatif yang akan dilaksanakan berikutan kenaikan harga tiket penerbangan pulang ke Sabah dan Sarawak sewaktu perayaan Hari Raya Aidilfitri khususnya kepada golongan mahasiswa yang ingin pulang beraya di kampung halaman.

26. PR-1531-L23228

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan mengenai Parlimen Muar masih tidak menerima sebarang peruntukan walaupun sudah berunding dengan Timbalan Perdana Menteri sebanyak tiga kali.

27. PR-1531-L23180

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebarang perancangan meminda Akta 171: Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi semua seksyen terkait kacau ganggu dalam pelbagai rupa dan bentuk terutama cakupan tafsiran, kuasa pegawai PBT dan kadar kompaun terlampau rendah, kini hanya RM1,000 .

28. PR-1531-L24308
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah terdapatnya mekanisme yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi syarat pembinaan perumahan pangsapuri atau kondominium mengikut penetapan harga serta luas kaki persegi bagi menjamin keselesaan kepada pembeli.
29. PR-1531-L23475
Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah persediaan yang telah dibuat termasuk dan tidak terhad dari sudut perundangan, pematuhan mandatori United Nations Regulations (UNR) dan Malaysia Standards (MS), sistem dan infrastruktur jalanraya dan lalu lintas untuk membolehkan penggunaan *autonomous vehicle (AV)* di Malaysia.
30. PR-1531-L23995
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi menambah bilangan polis bantuan di kawasan sekitar stesen KTMB seperti kawasan letak kenderaan, jejantas dan tandas yang sering berlaku kes jenayah sebagaimana kes serangan seksual berlaku di kawasan jejantas KTM Serdang baru-baru ini.
31. PR-1531-L22752
Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai program-program khas untuk membina infrastruktur sukan di kawasan luar bandar dan membangunkan bakat sukan tempatan .
32. PR-1531-L22894
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membina balai bomba dan penyelamat baharu di kawasan Bandar Mutiara Tebedu, Sarawak.
33. PR-1531-L23230
Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bila agaknya liputan telekomunikasi di luar bandar khususnya di Lawas dapat berfungsi sepenuhnya.

34. PR-1531-L24342

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha JAKIM bagi mengatasi kes perceraian yang semakin meningkat daripada tahun ke tahun seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

35. PR-1531-L23442

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Projek Littoral Combatant Ship (LCS) oleh Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNSSB) yang kini telah dijenamakan sebagai Lumut Naval Shipyard serta kos terkini yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan berkait pelaksanaan projek ini termasuk menanggung kos hutang lapuk Syarikat Boustead Naval Shipyard.

36. PR-1531-L23805

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan syarat-syarat yang harus dipatuhi oleh pemaju perumahan dalam menyiapkan jalan-jalan utama kawasan perumahan yang rosak sebelum serahan seperti yang berlaku di Taman Lagenda dan Taman Puteri dalam Parlimen Padang Serai.

37. PR-1531-L23596

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah cabaran dihadapi oleh pasukan bola sepak negara dalam melahirkan pasukan yang terdiri daripada pemain tempatan disebabkan oleh kekurangan bakat dan kurangnya minat untuk bermain untuk negara.

38. PR-1531-L23177

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) perkembangan kes dan status pembayaran denda penalti berjumlah RM415.5 juta yang dikenakan terhadap lima syarikat pengeluar makanan ayam oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada 22 Disember 2023; dan
- (b) langkah-langkah bagi mengelakkan situasi monopoli kartel bahan makanan asas di masa hadapan.

39. PR-1531-L23462

Tuan Chong Zhemine [Kampar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha terbaru dalam misi mencari MH370.

40. PR-1531-L23528

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menerbitkan sebuah kertas hijau untuk memudah cara perbincangan yang lebih menetapi fakta, tanpa mengikat komitmen Kerajaan, mengenai pengenalan Parlimen Berpenggal Tetap dan/atau reformasi institusi lain demi memupuk kestabilan politik di negara ini.

41. PR-1531-L24001

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini berhubung penstrukturan semula Jawatankuasa Teknikal Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKMTPMA63).

42. PR-1531-L23166

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah yang telah dibuat dan cadangan-cadangan baru yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengurangkan dan menyeragamkan kos harga barang-barang keperluan asas di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

43. PR-1531-L23161

Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa kontrak projek PJD Link dianggap sebagai sebuah rahsia rasmi sedangkan pembiayaan untuk kontrak tersebut memerlukan pendedahan penuh kepada pemberi dana yang berpotensi, terutamanya yang dimiliki oleh pihak asing, dan adakah Kerajaan akan membenarkan Ahli Parlimen untuk melihat kontrak tersebut.

44. PR-1531-L24117

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah status perolehan tanah untuk pembangunan Energy to Waste di tapak pelupusan sampah Sungai Udang; dan
- (b) bilakah projek ini akan dimulakan secara operasi.

45. PR-1531-L23393

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah pendekatan baharu Kementerian dalam menangani ancaman siber yang semakin kompleks saban hari termasuk mengenal pasti jurang ketidaksamaan siber serta kemunculan teknologi pesat seperti AI sebagai antara risiko utama keselamatan siber tahun hadapan menurut Forum Ekonomi Dunia (WEF).

46. PR-1531-L24178

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan statistik aduan dan kes membabitkan transaksi jual beli dalam talian dari tahun 2020 hingga 2023 serta apakah jenis aduan dan kes tertinggi yang direkodkan membabitkan transaksi jual beli dalam talian bagi tempoh sama. Berapa banyak kes yang telah dikenakan tindakan bagi tempoh itu.

47. PR-1531-L23245

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang lebih efektif untuk menghentikan pengiklanan kegiatan haram "Ah Long" dalam Facebook yang kini masih berleluasa dan ramai remaja termasuk pelajar perempuan telah menjadi mangsa.

48. PR-1531-L23349

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian pelan Kerajaan untuk memperkenalkan Akta Parlimen Berpenggal Tetap (APBT) untuk menjamin kestabilan politik negara.

49. PR-1531-L23445

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Projek Littoral Mission Ship - Batch 2 (LMS-B2) dan apakah pihak MINDEF sudah mengenalpasti syarikat perkapalan antarabangsa yang bakal diberikan kontrak pelaksanaan Projek LMS Batch 2 ini termasuk garis waktu kapal-kapal ini akan dibuat secara *G to G* atau perolehan terus dengan syarikat pengeluar swasta.

50. PR-1531-L22847

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dengan terperinci jumlah projek fasiliti sukan yang dibina dan dibaikpulih di Sarawak dari tahun 2018-2023 dan nyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan.

51. PR-1531-L23496

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah pendekatan menyeluruh Kerajaan untuk meringankan bebanan rakyat yang semakin terkesan akibat kenaikan kos sara hidup, ditambah cukai SST dan cukai-cukai baharu seperti Cukai Barangan Bernilai Rendah yang dijual atas talian, kenaikan tarif elektrik serta penarikan balik subsidi pukal yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

52. PR-1531-L22791

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jaminan Kementerian untuk memberikan projek perumahan rakyat PPR memandangkan Kerajaan negeri sedia menyediakan tanah bagi mengatasi masalah setinggan di Kg Sri Aman, Bt 4 Jalan Apas, Kg. Titingan, Sri Menanti dan lain-lain yang terdapat di Tawau sekaligus dapat menangani isu sosial yang melibatkan jenayah dan keselamatan.

53. PR-1531-L24226

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan tindakan-tindakan ke atas iklan-iklan yang tersebar di media sosial menyalahgunakan gambar tokoh-tokoh agamawan yang dihormati dan juga tokoh-tokoh politik yang kononnya terlibat dengan kegiatan pelaburan-pelaburan.

54. PR-1531-L23241

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR Dimiliki) di kawasan Tenang Stesyen Labis, Johor untuk memberi fokus dan manfaat kepada golongan B40 untuk memiliki rumah pertama.

55. PR-1531-L24282

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk menggubal Akta Parlimen Berpenggal Tetap serta apakah perincian kepada akta tersebut.

56. PR-1531-L23789

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina gelanggang futsal, sepak takraw, bola jaring atau pusat sukan di Parlimen Padang Rengas bagi kemudahan belia-belia untuk menyertai aktiviti sukan dan riadah bagi melahirkan belia sihat dan komuniti yang bersatu padu.

57. PR-1531-L23256

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan rumah mampu milik (RMM) yang telah disiapkan, dimulakan pembinaan dan dirancang dari tahun 2015 - 2023, dan berapa jumlah RMM yang akan disiapkan dan dimulakan pembinaannya pada tahun 2024. Apakah inisiatif Kementerian dan pendekatan untuk menstabilkan harga rumah pasaran bagi B40 dan M40.

58. PR-1531-L24031

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana tatakelola pewarisan dari generasi pertama peneroka kepada generasi kedua dan seterusnya bagi tanah FELDA yang berada di bawah Akta Tanah Persekutuan (GSA).

59. PR-1531-L23278

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk membolehkan pentadbiran-pentadbiran negeri diberikan hak memulakan laluan bas sendiri seperti Bas Rapid Transit (BRT) bagi membantu mengurangkan kebergantungan rakyat kepada kereta persendirian .

60. PR-1531-L22741

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mempromosikan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai destinasi pelabuhan kapal-kapal pelancong.

61. PR-1531-L24245

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan gerak kerja Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi DUN Untuk Menggubal Undang-Undang Islam yang telah ditubuhkan pada akhir tahun lepas.

62. PR-1531-L24111

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha, bimbingan dan nasihat yang telah dibuat terhadap DBKL yang telah meluluskan 1519 lesen arak yang dijual secara terbuka di seluruh Kuala Lumpur.

63. PR-1531-L23308

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) memeterai perjanjian dengan syarikat Alstom serta usaha sama IJM Construction Sdn Bhd dan Pestech Technology Sdn Bhd untuk projek penggantian Aerotren di KLIA; sedangkan MAHB pernah menamatkan kontrak Pestech Technology Sdn Bhd pada Ogos lalu, disebabkan Pestech tidak menunjukkan prestasi kerja memuaskan yang ditetapkan.

64. PR-1531-L24285

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam memastikan Parlimen bebas daripada kuasa eksekutif menerusi reformasi Parlimen bagi memperkukuh demokrasi berperlembagaan di negara ini.

65. PR-1531-L24066

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah sebenar pembayaran pencen kepada pesara penjawat awam yang terbabit pada tahun 2020 sehingga 2023 dan berapakah peratusan peruntukan pencen daripada keseluruhan perbelanjaan Kerajaan.

66. PR-1531-L23660

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah dasar yang digunapakai Kementerian untuk kenaikan pangkat dari seorang pegawai kepada Pengarah Negeri yang mempunyai rekod masalah moral dan integriti sehingga dikenakan tindakan berpindah 24 jam yang tidak boleh dijadikan ikon/idola belia khususnya di Labuan.

67. PR-1531-L23430

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai perancangan Kementerian untuk menambah jumlah bilangan doktor pakar atau sub-specialist berkhidmat di Hospital Angkatan Tentera memandangkan berlaku kekurangan pakar perubatan yang kritikal di seluruh negara.

68. PR-1531-L24326

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) usaha Kerajaan dalam membendung gejala tidak bermoral amalan LGBT supaya tidak menular dalam negara melalui agensi agama Jabatan Perdana Menteri dan bersepadu melibatkan semua agensi khususnya kempen media dan penyiaran; dan

- (b) apakah Kerajaan mempunyai tekad politik dalam membendung jenayah ini melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas dan berkesan.

69. PR-1531-L23978

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apa justifikasi dan garis panduan yang digunapakai apabila Kerajaan meminta platform-platform media sosial memadam sesuatu hantaran atau menyekat sesuatu akaun atau adakah keputusan dibuat hanya secara *ad hoc* sahaja.

70. PR-1531-L24324

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini berhubung keputusan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung isu pengurusan dan operasi Lembaga Tabung Haji (LTH) dan bilakah tarikh muktamad untuk pendedahan kepada awam.

71. PR-1531-L24166

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah pihak Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-undang Islam (Jawatankuasa Khas) merancang bagi kepentingan undang-undang Syariah tidak tergugat kedudukannya di negeri-negeri di Malaysia.

72. PR-1531-L24025

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan dalam melaksanakan janji untuk mereformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) agar institusi tersebut bebas bertindak tanpa campur tangan dan tekanan pihak eksekutif.

73. PR-1531-L24241

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa penjimatan yang dibuat oleh Kerajaan apabila Perdana Menteri menolak untuk menerima gaji sejak memegang jawatan tersebut pada November 2022.

74. PR-1531-L23154

Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kewangan yang dapat dijimatkan oleh Kerajaan dalam jangka masa 20 tahun ke depan apabila sistem pencen penjawat awam digantikan dengan pengambilan secara kontrak bagi lantikan baru.

75. PR-1531-L24017

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai amalan '*horizontal shareholding*' atau 'common ownership' yang dilakukan oleh pelabur-pelabur institusi termasuklah syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dan sejauh manakah amalan ini akan menjejaskan kebajikan pengguna di Malaysia.

76. PR-1531-L24312

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak pemansuhan skim pencen kepada kakitangan Kerajaan Negeri di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang pencen mereka dibayar di bawah tanggungan Persekutuan.

77. PR-1531-L24268

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang status pelaksanaan kerja ke atas projek-projek LRT Pulau Pinang dan pembesaran Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang serta sama ada kos telahpun naik kerana penurunan nilai mata wang ringgit.

78. PR-1531-L24372

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan garis panduan yang telah ditetapkan Kementerian kepada media massa dalam penyampaian berita dan apakah Kementerian sedar bahawa mengongkong kebebasan bersuara dan hanya membenarkan media massa melaporkan *feel good news* sahaja adalah satu perbuatan yang zalim.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.""

Menyambung semula perbahasan atas masalah (12 Mac 2024)

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 38/2023) | Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R 41/2023) | Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R 39/2023) | Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Pendidikan Tinggi] | |
| 5. | (D.R 37/2023) | Rang Undang-Undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 6. | (D.R 35/2023) | Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |
| 7. | (D.R 1/2024) | Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |

8. (D.R 2/2024) Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

9. (D.R 3/2024) Rang Undang-Undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 "

[Menteri Kewangan]

10. PR-1531-U(27)308

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

[Menteri Kewangan]

11. PR-1531-U(27)309

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1531-U(27)310

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1531-U(27)311

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

[Menteri Luar Negeri]

14. PR-1531-U(27)312

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

[Menteri Sumber Manusia]

15. PR-1531-U(27)313

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

16. PR-1531-U(27)314

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyediakan satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasakan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

[Menteri Kewangan]

17. PR-1531-U(27)315

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

18. PR-1531-U(27)316

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

19. PR-1531-U(27)317

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1531-U(27)318

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Komunikasi]

21. PR-1531-U(27)319

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

[Menteri Pengangkutan]

22. PR-1531-U(27)320

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebu Raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1531-U(27)321

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barangan pada masa ini."

[Menteri Kewangan]

24. PR-1531-U(27)322

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
13.03.2024 (Rabu)	1. YB Tuan Chiew Choon Man (Miri)	1. Penambahbaikan dan Penaiktarafan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Sungai Tujuh (ICQS), Sungai Tujuh, Miri 2. Keperluan Mendesak Menaik Taraf dan Memodenkan Lapangan Terbang Miri	1. YB Menteri Dalam Negeri 2. YB Menteri Pengangkutan
	2. YB Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin (Tangga Batu)	3. Masalah Banjir di Tangga Batu Akibat Saiz Pembentung Air Tidak Sesuai 4. Permohonan Masjid Baharu Menggantikan Masjid Al-Ghufran, Bertam Ulu	3. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air 4. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

***Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat *17)**